



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 11 TAHUN 2012**

---

**PELANJUTAN TEMPOH MEMBAHARUI LESEN PENGENDALI BAS  
SEKOLAH BAGI KENDERAAN YANG MELEBIHI HAD USIA 30 TAHUN**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**TARIKH: 25 OKTOBER 2012**

## **Pengendali Bas Sekolah**

### **PELANJUTAN TEMPOH MEMBAHARUI LESEN PENGENDALI BAS SEKOLAH BAGI KENDERAAN YANG MELEBIHI HAD USIA 30 TAHUN**

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali bas sekolah berhubung pelanjutan tempoh membaharui lesen pengendali bas sekolah bagi kenderaan yang melebihi had usia 30 tahun.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah bersetuju memberikan kelulusan untuk membaharui lesen bas sekolah selama satu (1) tahun kepada bas sekolah yang berusia lebih 30 tahun yang tamat tempoh pada tahun 2011 sahaja, seperti mana yang terkandung dalam Pekeliling S.P.A.D. Bilangan 4 Tahun 2011 : Pembaharuan Kelas Lesen Bas Sekolah Yang Melebihi Had Usia 30 Tahun bertarikh 5 September 2011.
3. Keputusan ini adalah bersifat jangka pendek dan semua bas sekolah wajib menjalani pemeriksaan dan mendapatkan kelulusan daripada PUSPAKOM bagi memastikan fizikal kenderaan dalam keadaan baik demi menjamin keselamatan penumpang.

## **KEPUTUSAN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

4. S.P.A.D. telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh membaharui lesen pengendali bas sekolah selama satu (1) tahun kepada pengendali yang memiliki kenderaan bas sekolah yang berusia lebih 30 tahun dari tarikh kenderaan tersebut dibuat, yang mengemukakan permohonan membaharui lesen pengendali buat kali pertama. Kelulusan ini diberi dengan syarat pemohon perlu juga mengemukakan permohonan Ubah Syarat Gantian Kenderaan bersama dengan permohonan membaharui lesen pengendali tersebut.
  
5. Sekiranya kenderaan baru gagal diadakan atau disiapkan dalam tempoh lanjutan pertama yang diberikan ini, tambahan satu (1) tahun lagi akan diberikan dengan syarat pengendali tersebut mengisi dan melengkapkan Borang Aku Janji ketika membuat permohonan membaharui kali kedua. Kelulusan ini adalah untuk kali terakhir. Borang Aku Janji tersebut adalah seperti di Lampiran A.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Arahan pekeliling pelanjutan tempoh membaharui lesen pengendali bas sekolah bagi kenderaan yang melebihi had usia 30 tahun berkuatkuasa serta-merta.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(AZHAR BIN AHMAD)  
Ketua Pegawai Operasi  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**25 OKTOBER 2012**

LAMPIRAN A

**BORANG AKU JANJI**  
**PENGGANTIAN BAS SEKOLAH MELEBIHI HAD USIA 30 TAHUN**

Saya, .....  
Nombor Kad Pengenalan ....., pemilik bagi  
syarikat/perniagaan .....  
dan kenderaan bas sekolah Nombor Pendaftaran  
....., Nombor Rujukan Permit Kenderaan  
....., dengan sesungguhnya berjanji  
bahawa saya akan mematuhi syarat Kelulusan Membaharui Lesen  
Pengendali dan Surat Kelulusan Ganti Kenderaan bas sekolah milik  
saya seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. Maka dengan itu  
saya berjanji bahawa saya:

- a) akan menggantikan kenderaan bas sekolah saya tersebut dalam tempoh lanjutan yang telah diluluskan; dan
- b) akan menggantikan kenderaan bas sekolah berkenaan dengan kenderaan bas sekolah baru yang berusia kurang atau bersamaan 20 tahun daripada tarikh kenderaan tersebut dibuat.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya gagal menggantikan kenderaan bas sekolah saya dalam tempoh yang ditetapkan, S.P.A.D. berhak untuk tidak membaharui lesen pengendali bas sekolah saya seperti mana diperuntukkan dalam Seksyen 24 (2), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

.....  
(Nama dan tandatangan  
pengendali)

.....  
(Nama dan tandatangan pegawai  
S.P.A.D.)

.....  
(Tarikh)

.....  
(Cop Rasmi Jabatan)